



جابتن حال إحوال إكمام إسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**MUHASABAH AMALAN
DI BULAN SYA'BAN**



Tarikh Bacaan:
31 JANUARI 2025M / 1 SYA'BAN 1446H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBr. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Muhasabah Amalan Di Bulan Sya'ban

31 Januari 2025M/ 1 Sya'ban 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: وَوُضِعَ الْكِتَابُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَا وَيْلَتَنَا
مَا لِي هَذَا الْكِتَابِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا
وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا ﴿١١﴾ سورة الكهف
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ إِلَهًا وَاحِدًا أَحَدًا صَمَدًا، لَمْ يَتَّخِذْ
صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَصَفِيُّهُ وَخَلِيلُهُ، أَرْسَلَهُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Terlebih dahulu saya menyeru para jemaah sekalian, marilah kita tingkatkan ketakwaan kita ke hadrat Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, dengan mengerjakan segala yang diperintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat perlindungan Allah dan keampunan serta rahmat-Nya di dunia dan di akhirat kelak.

Khatib mengingatkan para jemaah, agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan



perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Bagi melengkapai kewajipan solat Jumaat hari ini, marilah kita menghayati khutbah yang akan disampaikan bertajuk: **“Muhasabah Amalan Di Bulan Sya’ban.”**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sedar tak sedar, kita kini sudah berada pada bulan Sya’ban. Masa berlalu dirasakan begitu pantas sekali. Ini juga bermakna umur kita semakin meningkat dan sewajarnya kita sentiasa bermuhasabah iaitu sudahkan kita melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah kepada kita dengan sempurna? Sudahkah kita bersedia dengan amalan-amalan yang akan dibawa menemui Allah?

Bulan Sya’ban menyusul selepas daripada bulan Rejab. Manakala selepas itu, akan datang pula bulan yang mengandungi penuh rahmat iaitu bulan Ramadhan al-Mubarak. Namun, apabila tiba bulan Rejab dan Sya’ban, kita seringkali mendengar hadis-hadis mengenai bulan-bulan ini yang akan dibaca dan diajar secara meluas. Antaranya ialah hadis:

“Rejab bulan Allah, Sya’ban bulanku dan Ramadhan bulan umatku.” Hadis ini adalah hadis mungkar dan kebanyakan ulama’ menyatakan bahawa ia adalah hadis palsu.

Apabila membicarakan tentang bulan Sya’ban, maka sewajarnya kita merujuk kepada riwayat-riwayat yang sahih dan yang diterima oleh para ulama’ agar kita tidak termasuk dalam golongan pak turut yang hanya melakukan sesuatu tanpa ilmu pengetahuan. Sedangkan Islam itu sendiri adalah agama wahyu, maka sewajarnya apa yang hendak

dilakukan mestilah berteraskan kepada al-Quran dan hadis Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ melakukan pelbagai amalan dalam bulan Sya'ban. Menurut hadis daripada Saidatina 'Aisyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, bulan yang paling banyak Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ berpuasa selain bulan Ramadhan ialah bulan Sya'ban, antaranya ialah hadis yang bermaksud:

“Tidaklah Nabi melakukan ibadah puasa dalam suatu bulan yang lebih banyak daripada bulan Sya'ban. Sesungguhnya Rasulullah berpuasa dalam bulan Sya'ban keseluruhannya”. ﴿Hadis Riwayat Al-Bukhari﴾

Persoalannya, mengapa Rasulullah banyak berpuasa pada bulan Sya'ban? Jawabnya berdasarkan sabda Nabi yang bermaksud:

“Itulah bulan (Sya'ban) di mana manusia lalai mengenainya, ia berada di antara bulan Rejab dan Ramadhan. Ia adalah bulan di mana segala amalan diangkat kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Maka aku sangat suka sekiranya amalanku diangkat ketika aku dalam keadaan berpuasa.”

﴿Hadis Riwayat Ahmad﴾

Walaupun begitu, ulama' fiqh menyatakan, ada sedikit peraturan bagi mereka yang hendak berpuasa sunat Sya'ban. Adalah dilarang (tidak disunatkan) berpuasa Sya'ban tanpa sebab pada **separuh kedua** daripada bulan Sya'ban kecuali jika dihubungkan dengan hari yang sebelumnya, walaupun dengan hari yang ke-15 Sya'ban. Begitu juga bagi

orang yang biasa berpuasa seperti sunat puasa sunat Isnin dan Khamis atau berpuasa pada hari-hari putih.

Adalah menjadi amalan para sahabat, apabila melihat anak bulan Sya'ban mereka bersungguh-sungguh membaca Al-Quran. Oleh itu, setiap orang yang berada dalam bulan Sya'ban hendaklah mengisinya dengan pelbagai ibadah. Allah telah menjanjikan kemuliaan, kedudukan yang tinggi dan kebajikan yang sangat banyak serta dikurniakan *maghfirah* (pengampunan) kepada mereka yang melakukan ibadah dalam bulan ini.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Kesimpulan daripada khutbah pada hari ini adalah seperti berikut:

Pertama: Kita hendaklah meningkatkan amal dan ibadah kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* di samping meninggalkan segala larangan-Nya.

Kedua: Umat Islam hendaklah mencontohi amalan Rasulullah *صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* dalam bulan Sya'ban seperti berpuasa dan Qiyamullail khususnya pada malam Nisfu Sya'ban.

Ketiga: Umat Islam mestilah penuh yakin bahawa setiap amalan yang dilakukan di atas dunia ini akan dihisab di akhirat kelak dan akan dibalas dengan adil oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Firman Allah dalam surah Al-Anbiya' ayat 94:

﴿فَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَا كُفْرَانَ لِسَعْيِهِ وَإِنَّا لَهُ كَاتِبُونَ﴾

Maksudnya: “Maka sesiapa mengerjakan amalan soleh dalam keadaan dia beriman, maka tidaklah disia-siakan amalannya itu. Dan Sesungguhnya Kami tetap menuliskannya”.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ إِنَّهُ
تَعَالَى جَوَادٌ كَرِيمٌ مَلِكٌ بَرٌّ رُؤُوفٌ رَحِيمٌ، فَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.



Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Untuk makluman semua, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2019 memutuskan bahawa **haram** memindahkan zakat ke luar negeri Pulau Pinang berdasarkan masalah semasa kerana ia menafikan hak dan menjejaskan keperluan asnaf. Begitu juga, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2024 memutuskan individu termasuk peniaga dan usahawan Islam yang menjalankan perniagaan di Pulau Pinang, adalah **diwajibkan** membayar zakat perniagaan kepada Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيَرِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةَ قُؤُلَاوٍ فَيَنْبَغِ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُؤَسَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau
Pinang dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat
melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf
MAINPP.*

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG